

BAB 2

KONSEP DAN KAJIAN LITERATUR

2.0 Pengenalan

Para peniaga selalunya menggunakan pelbagai cara untuk mengsegmenkan pasaran di kalangan pengguna sama ada melalui segmen geografi, demografi, psikografi, '*product-related segmentation*' ataupun '*segmenting by benefits sought*' (Boone & Kurtz, 1999). Kajian berkenaan segmentasi pasaran menggunakan kaedah demografi dengan mendefinisikan kumpulan pengguna berdasarkan ciri-ciri demografi seperti jantina, umur dan pendapatan banyak dibuat di negara-negara Barat.

Banyak firma mengembangkan pasaran berdasarkan segmentasi umur pengguna dengan mengeluarkan produk yang khusus untuk memenuhi keperluan satu-satu kumpulan umur sama ada bayi dan kanak-kanak, remaja dan belia, dewasa mahupun orang tua. Bagi kumpulan umur kanak-kanak dan remaja, lazimnya keputusan pembelian banyak dipengaruhi oleh ibu bapa melalui pembelajaran selaku pengguna secara tidak langsung (Mc Neal, 1987); malahan tingkat membuat keputusan ini berkait rapat dengan harga sesuatu item atau produk sekiranya produk itu merupakan kegunaan mereka (Foxman, Tansuhaj and Ekstrom, 1989).

Walaupun begitu, apabila mereka bertambah usia, pengaruh luaran seperti tekanan daripada rakan sebaya, kelas sosial dan keperluan-keperluan pekerjaan menjadi faktor-faktor penentu dalam membuat keputusan membeli apa juar barang atau produk yang dirasakan perlu. Hal ini berbeza dengan orang dewasa yang mementingkan faedah dan keutamaan produk yang ingin dibeli sama ada pada masa kini mahupun untuk masa hadapan

dan selalunya melibatkan masa sebelum sesuatu keputusan untuk membeli dibuat (Matured Market Report, 1989)

2.1 Definisi Konsep

Konsep-konsep yang digunakan dalam kajian akan dijelaskan secara lebih terperinci agar ia dapat memberi pemahaman yang lebih baik kepada para pembaca berkenaan kata-kata kunci yang digunakan.

2.1.1 Konsep Tingkah Laku

Kamus Oxford, (*Oxford Dictionary*, 1995: hlmn 96) mendefinisikan tingkah laku sebagai cara seseorang berkelakuan; terutama terhadap orang lain iaitu satu sikap dengan pelbagai perangai; atau cara seseorang atau sesuatu bertindak atau berfungsi dalam situasi tertentu.

Kamus Website pula menjelaskan bahawa tingkah laku merupakan cara perlakuan seseorang sama ada baik atau buruk yang merupakan mod yang membentuk diri seseorang; atau dengan lain perkataan adalah perawakan, perilaku serta gaya sikap atau;

'Behavior is the mode in which we have or bear ourselves in the presence of others or toward them: conduct is the mode of our carrying ourselves forward in the concerns of life.'

Mengikut Webster, tingkah laku ialah;

'an organism's muscular or glandular responses to stimulation, especially those that can be observed',

manakala *Encyclopedia Americana* pula mendefinisikannya sebagai;

'as employed in psychology the term behavior seldom carries the popular meaning of good or bad deportment toward others but almost exclusively denotes the actions and reactions of an organism toward its environment'.

Berelson dalam *International Encyclopedia of Social Sciences* menggunakan pendekatan yang lebih tipikal bagi kegunaan hari ini iaitu tingkah laku bukan sahaja termasuk tindakan terbuka tetapi juga tingkah laku subjektif seperti sikap, kepercayaan, harapan, motivasi dan juga aspirasi (*includes not only overt acts but also such subjective behavior as attitudes, beliefs, expectations, motivations and aspirations*).

Satu kajian yang dijalankan berkenaan empat pembolehubah tingkah laku utama yang saling berhubung secara dinamik dan meliputi kedua-dua aspek intelektual dan emosi, komunikasi di antara pembolehubah menyediakan satu penjelasan kepada tingkah laku manusia secara keseluruhannya (Latheef N. Ahmed, 1970). Empat pembolehubah tingkah laku itu ialah :

- (1) *political behaviors, satisfying our intrinsic and instrumental "power" needs-wants;* (2) *economic behaviors, covering in the widest sense, our immediate self-interest to our rising expectations about our "material" needs-wants;* (3) *social behaviors dealing with our "personality", "status", "group", "organization" and other "socio-psychological" needs-wants; and* (4) *cultural behaviors, rewarding our "traditionalized" and "conventionalized", consciously working as well as subconsciously compelling and subtly surfacing racial, religious, ethnic, sect, colour, club and other such needs-wants.*

Dapatan daripada kajian yang dibuat di Amerika mendapati tingkah laku dalam pentadbiran menunjukkan skor yang tinggi ke atas pembolehubah "pencapaian" dan "kepuasan dalam kerja"; manakala di India pula menunjukkan kecenderungan tingkah laku yang mendapat skor yang tinggi ke arah "gaji", "keluarga", "region", "kasta" dan juga "color".

2.1.2 Konsep Pengguna

Dictionary of Education mendefinisikan pengguna sebagai pengguna akhir barang-barang ekonomi dan perkhidmatan ataupun pengguna akhir apa jua barang, servis, produk dan idea (the ultimate user of economic goods and services as opposed to the producer of them; or the ultimate user of any goods, services, product and idea).

C. Glenn Walters dan Aise J. Bergeil (1989) pula menjelaskan pengguna atau pembeli adalah seseorang yang menentukan kehendak-kehendak diri sendiri, membeli produk-produk dan menggunakan kesemua produk-produk tersebut (*a consumer or buyer is one who determines personal wants, buys products, and uses those products*).

Pengguna boleh dikelaskan kepada beberapa kategori iaitu bukan pengguna (*non-consumers*), pengguna berpotensi (*potential consumers*) dan pengguna sebenar (*realized consumers*) (Walters, 1989). *Non-consumers* merupakan individu yang tidak memerlukan dan menggunakan produk yang sedia ada dan tidak mungkin akan menggunakannya pada masa hadapan. Pengguna berpotensi pula adalah individu yang tidak membeli dan menggunakannya pada masa kini tetapi ada kemungkinan akan terpengaruh untuk membeli dan menggunakannya pada masa hadapan. Akhirnya, pengguna sebenar adalah pengguna yang membuat permintaan berkesan (Sadono, 1993) dan menggunakan untuk mencapai kepuasan yang dihajati. Permintaan berkesan ialah keinginan untuk satu-satu barang atau perkhidmatan yang disokong oleh kemampuan dan kesediaan untuk membayar harga barang itu dengan wang. Permintaan seorang pengguna dinyatakan sebagai permintaan pada jangka masa tertentu dan juga pada harga tertentu bagi sesuatu barang sahaja (Siti Rohani Yahya, 1988).

Jelas di sini istilah pengguna dalam kajian adalah merujuk kepada pengguna akhir iaitu individu yang membeli untuk penggunaan sendiri atau '*to meet the collective needs of the family or household unit or individual who buys for the sole purpose of using up the product in order to obtain satisfaction*'.

2.1.3 Konsep Tingkah Laku Pengguna (*Consumer Behavior*)

Tingkah laku pengguna merupakan '*subdivision of human behavior, so, to understand the one we must clarify the other*' (John Douglas, George A. Field & Lawrrence, 1976). M. Joseph Siegy (1985) menerangkan tingkah laku pengguna sebagai '*specific types of human behavior that are market-related*', manakala Glenn Walters (1989) menjelaskan bagaimana ia berkaitan dengan '*those decisions and related activities of persons involved specifically in buying and using economic goods and services*'. Jadi, nyatahal bahawa tingkah laku itu mencakupi kedua-dua keputusan mental dan tindakan fizikal yang mengakibatkan keseluruhan keputusan tersebut (*both mental decisions and physical actions that result from these decisions*) (Morris B. Holbrook and Elizabeth C. Hirschman, 1982). Oleh sebab itu, tingkah laku pengguna akan dapat menjawab segala persoalan mengenai apa yang hendak dibeli, bila, di mana dan bagaimana proses pembelian dibuat dan akhirnya penggunaan produk atau servis atau idea atau apa saja yang menjadi pilihan pengguna akhir.

Mengikut John C. Mowen (1990), tingkah laku pengguna adalah;


'the study of the decision – making units and the processes involved in acquiring, consuming and disposing of goods, services, experiences and ideas'.

Terdapat tiga peringkat tingkah laku pengguna yang sering dianalisa oleh para pengkaji iaitu;

Pertama, peringkat individu yang menumpukan kepada 'identifying the processes that influence a person in the acquisition, consumption and disposition phases'; Keduanya ialah peringkat persekitaran mikro (*the mikro environment*) – consists of those interpersonal and situational factors outside of the person that influence consumer behavior at any particular point in time; dan Ketiga ialah persekitaran makro (*macro environment*)- consists of the broad set of forces that influence large numbers of consumers to act similarly. Types of macro environment include the effects of culture, subculture, social class, economic conditions and government regulations.

Analisa ini boleh dijelaskan lagi oleh rajah 1 'an organizing model of consumer behavior' di bawah.

Rajah 1
An organizing model of consumer behavior



Sumber : John.C.Mowen, "Consumer Behavior," Macmillan Publishing Company, New York, 1990.

Harold W. Berkmen and Christoper (1978), menerangkan bagaimana tingkah laku pengguna lazimnya berkait rapat dengan proses membuat keputusan dalam membeli dan menggunakan sesuatu item. Hal ini dapat dilihat dari sudut sosiologi, psikologi dan juga persekitaran pembelian dan ciri-ciri produk di pasaran. Sudut sosiologi misalnya, melihat bagaimana keputusan pembelian adalah dipengaruhi oleh ahli keluarga, konteks psikologi menjurus kepada pujukan dan rayuan daripada apa jua bentuk promosi sama ada pengiklanan yang mempengaruhi sesuatu pembelian dan ciri-ciri produk yang ditawarkan dan suasana persekitaran pembelian seperti barang yang dipilih ditawarkan pada harga tawaran yang menarik ataupun produk itu berada di tempat yang mudah dan senang dikunjungi pengguna.

2.1.4 Konsep Belia

Kajian ini akan memberikan takrifan berkenaan konsep belia yang mempunyai perbezaan tertentu mengikut orientasi disiplin dan kepentingan kajian. Misalnya dari segi pendidikan, ia sering digabungkan dengan pentafsiran terhadap konsep 'remaja'. Dalam tahun 1944, *National Society for the Study of Education*, sebuah yayasan akademik di Universiti Chicago, USA merumuskan maksud remaja kepada golongan individu yang mencapai peringkat umur akil-baligh – sekitar 12 atau 13 tahun sehingga ke umur 17 atau 18 tahun, iaitu sehingga ke peringkat awal perkembangan fizikal dewasa yang lazim (Hussain Mohamed, 1983). Kemudiannya pada tahun 1975, yayasan ini mengkhususkan konsep belia kepada golongan individu yang berumur 15 hingga 24 tahun malah akhirnya berlanjutan hingga ke umur 30 tahun.

Berdasarkan banci yang disesuaikan berdasarkan kepada anggaran kurang penghitungan Penyiasatan Selepas Banci (PSB) mengikut kumpulan umur, kumpulan etnik dan jantina, Malaysia 1991 (Jabatan Perangkaan, 1999),

anggaran penduduk yang berada dalam lingkungan umur 15 tahun hingga 34 tahun pada tahun berkenaan ialah seramai 6,612,458 orang iaitu mewakili 36% daripada keseluruhan anggaran yang berjumlah 18,379,655 orang. Golongan ini mencakupi kumpulan belia yang masih berada di bangku sekolah sehinggalah kepada belia yang sudah mempunyai pekerjaan. Lazimnya kumpulan ini mempunyai budaya dan gaya hidup yang tersendiri dan berbeza (khususnya remaja dalam lingkungan umur 14 – 25 tahun) dengan latar budaya golongan yang berumur 40 tahun ke atas (Adam, Gullotta & Markstrom - Adams, 1994).

Masyarakat Nandi dan Masai di Afrika Timur menetapkan setiap peringkat umur mempunyai pergabungan tanggungjawab dan peranan sosial yang jelas dan tidak harus disalahgunakan di luar ketentuan dan batasan nilai kehidupan mereka (S. N. Eisenstadt, 1956).

Dalam suku kaum Nandi, setiap lelaki diperingkatkan hayatnya dalam tujuh set umur (*age-set*), bermula dari dua peringkat umur kanak-kanak, dengan diikuti oleh satu peringkat umur 'pahlawan' dan disusuli pula dengan empat peringkat dalam kumpulan umur 'dewasa'. Prayag Mehta (1971), mengupas kedudukan remaja dan belia di India iaitu remaja berumur 14 hingga 18 tahun masih berada di bangku sekolah manakala remaja berumur 15 hingga 22 tahun digelar orang muda yang tidak lagi bersekolah terutamanya belia luar bandar. Mengikut kajian yang dikendalikan di bawah *auspices of the World Assembly of Youth in India*, belia India menyuarakan pendapat dan sikap yang berbeza berbanding orang dewasa.

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Malaysia (1983), menggolongkan orang-orang yang berusia di antara 15 hingga 30 tahun sebagai golongan belia, sedangkan lingkungan umur 15 tahun ke bawah sebagai golongan kanak-kanak dan yang melebihi 30 tahun sebagai golongan dewasa (Hussain Mohamed, 1983).

Pengkaji-pengkaji barat turut memberikan definisi golongan belia yang hampir sama meskipun dengan huraiyan yang berbeza. Salah seorang ialah James S. Coleman (1974) yang menganggap belia sebagai ;

“....Youth.....an age-grade (between 14-24) and the societal process of transposing each generation from childhood to adulthood. The process and youth come to completion when the young person demonstrate a secure adoption of adult roles in work and in family life. In this sociological sense, youth is clearly a stage of transition and preparation encountered by all the young of a society.....”

Menurut Kenniston (1970) pula, konsep belia dilihat sebagai;

“.....a psychological stage of development emerging between adolescence and adulthood and characterized by relatively specific dimensions of consciousness.”

Pengkaji de Souza dan Ribeiro (1976) memberi pandangan yang hampir sama berkenaan konsep belia iaitu ;

“.....a stage in the process of personal evolution, marked by chronological stages, and assumed and redefined socially.....”

Sepantas lalu bolehlah dikatakan bahawa ketiga-tiga sudut pandangan pengkaji di atas mempunyai persamaan iaitu setiap orang akan melalui peringkat hidup selaku belia yang berfungsi untuk memperlengkapkan, menyedarkan dan mendorongkan seseorang untuk menghadapi hidup di peringkat seterusnya iaitu peringkat dewasa.

Mengikut Bennett M. Berger (1974) konsep belia diterjemahkan sebagai satu kumpulan yang mempunyai 'sub-culture' tertentu yang terhasil oleh pengalaman dan interaksi mereka dengan kumpulan umur lain-lain. 'Sub-culture' yang demikian merupakan 'youth culture' atau budaya belia yang terbentuk mengikut keadaan dan perkembangan masyarakat sekeliling mereka. Jelas sekali di sini bahawa golongan belia andai dilihat dari sudut

Antropologi dan Sosiologi merupakan golongan yang mudah difahami dari segi tingkah laku, cita-cita, sumbangan dan jangkaan peranan serta budayanya .

2.1.5 Konsep Muzik.

Menurut kamus Oxford, muzik adalah,

'art of arranging the sounds of voice(s) or instrument(s) or both in a pleasing sequence or combination' atau 'compositions made by doing this : Mozart's music' atau 'book, sheets of paper, etc containing written or printed signs representing such compositions'.

Ahli antropologi di serata dunia mengakui mereka belum menjumpai lagi sesuatu kelompok manusia yang hidup tanpa muzik (Mohd Nazri Ahmad Jabar ,1980). Dalam tiap-tiap kebudayaan, muzik memainkan peranan bukan sahaja dalam upacara-upacara tertentu tetapi juga dalam kehidupan peribadi individu.

Negara-negara maju, walaupun apa ideologi politiknya, mengakui muzik sebagai satu gejala yang penting dalam hidup rakyatnya. Muzik adalah *'the only universal tongue'*, satu-satunya bahasa dunia sejagat yang boleh difahami oleh deria dengar manusia (Haji Yusuf Rawa, 1980). Jika ditinjau dengan mendalam, muzik boleh dikatakan sebagai satu dari cabang-cabang kebudayaan yang sentiasa berkembang selari dengan perkembangan bangsanya. Tiap bangsa mempunyai muzik mereka sendiri. Selalunya satu-satu puak atau golongan dari bangsa itu mempunyai lagu dan muzik khusus yang dipengaruhi oleh keadaan sekeliling dan cara hidup mereka.

Dalam konteks masyarakat rakyat atau '*folk society*' negara kita Malaysia, muzik sebenarnya mempunyai hubungan fungsi yang erat dengan institusi-institusi masyarakat dan budaya kumpulan yang melahirkannya terutama

muzik rakyat yang terkenal di kalangan orang kampung atau rumah panjang pada zaman dahulu (Mohd Taib Osman, 1986). Malahan setelah beredarnya masa, fakta sejarah membuktikan bagaimana pengaruh luar sama ada melalui perdagangan mahupun penjajahan telah meresap ke dalam budaya dan muzik tradisi Melayu menjadikannya bercampuraduk dengan pengaruh Hindu-Buddha dan Arab-Parsi (dikaitkan dengan agama Islam). Dengan kemasukan kaum pendatang ke alam Melayu, sebahagian besar muzik Melayu mulai berubah.

Kemuncaknya ialah ketika Tanah Melayu di bawah pemerintahan Inggeris iaitu dengan kemasukan unsur-unsur baru seperti corak melodi berupa lagu dari China, Timur Tengah dan Barat, irama / rentak dari Timur Tengah dan Barat, struktur lagu dari Barat, harmoni (gabungan bunyi) dari Barat dan alat muzik dari Barat. Unsur-unsur tersebut memperkayakan lagi muzik Melayu lalu terciptalah *genre* baru seperti lagu-lagu berentak asli, zapin, masri, inang dan kerongcong. Nyata sekali muzik sesebuah komuniti itu tidak *rigid* malah boleh berubah mengikut arus pemodenan dan persekitaran dengan memastikan muzik dan budaya asal komuniti dikekalkan.

Dari sudut pandangan Islam, golongan ahli sufi dikatakan banyak menghalusi kajian dalam bidang muzik dan nyanyian. Mereka dikatakan meninjau muzik dari kaca mata filsafat dan meletakkannya sebagai satu daripada persoalan akhlak dan menyifatkan deklamasi syair atau sajak dalam majlis-majlis terbuka sebagai satu bidang budaya yang tinggi (Dr. Zaki Mubarak, 1954). Golongan tasawuf mengharuskan muzik dan nyanyian dengan beberapa syarat, antaranya niat baik dan disertai dengan tujuan mulia. Antara golongan tasawuf yang gemar kepada muzik (malah menjadi satu alat dalam upacara zikir) ialah Tariqat Mawlawyah yang mempunyai pengikut di Mesir, Iran dan Turki (Haji Yusuf Rawa, 1980).

Dari sudut kemanusiaan, muzik dianggap mampu menjadi alat yang digunakan untuk menggambarkan dan meluahkan puncak kegembiraan, seperti melalui lagu-lagu yang dinyanyikan dalam pesta, majlis keramaian atau melalui lagu-lagu tarian.

Di benua Afrika, manusia menuju ke medan perang dengan pukulan gendang, sementara dalam tamadun Barat pula, mereka diiringi dengan pasukan pancaragam (Yehudi Menuhin, 1980). Namun, pendekatan muzik pada akhir abad kedua puluh yang lalu ialah suatu laluan evolusi kemanusiaan yang paling menjanjikan kelainan berbanding senilukis kerana muzik sebagai bunyi sentiasa bersama manusia baik secara jasmaniah atau rohaniah, kerana ia memenuhi masa (Ainon Muhammad, 1980).

2.1.6 Konsep Lagu Melayu Nusantara

Sebelum memperkatakan tentang muzik berkonseptan Melayu Nusantara, terlebih dahulu kita perhalusi kedudukan dan wilayah Nusantara secara terperinci. Nusantara secara khususnya mencakupi wilayah Kepulauan Melayu yang besar dan masyhur pada suatu masa dahulu.

Melalui putaran sejarah, empayar kerajaan Melayu di Nusantara termasuklah Kerajaan Sriwijaya, Palembang; Majapahit, Jawa; Kerajaan Kesultanan Melaka; Kerajaan Kesultanan Pasai, Aceh; Kerajaan Asahan, Sumatera Timur; Kerajaan Melayu Pattani, Selatan Thai; Kerajaan Kesultanan Brunei, Kalimantan Utara; Kerajaan Kesultanan Sulu, Selatan Filipina dan Sabah; Kerajaan Melayu Johor – Riau hingga ke Terengganu, Pahang, Negeri Sembilan dan Kerajaan Minangkabau yang besar pengaruhnya hingga ke Melaka (Haji Abdullah 'Sanggura' Bin Haji Kassim, 1981).

Namun, setelah kedatangan penjajah barat, gugusan kepulauan Melayu ini telah dipecahbelahkan iaitu; Semenanjung Tanah Melayu termasuk Singapura, Sarawak, Sabah dan Brunei telah dijajah oleh Inggeris; Seluruh Kepulauan Indonesia dikuasai oleh Belanda; Filipina dijajah oleh Sepanyol dan Amerika Syarikat; sebahagian Pulau Timor diduduki oleh Portugis dan masyarakat Melayu yang beragama Islam di Selatan Siam dikuasai oleh kerajaan Buddha Thai.

Hal ini menyebabkan Bahasa Melayu yang dipertuturkan oleh masyarakat kepulauan Melayu bercampuraduk. Contohnya, Bahasa Indonesia mirip kebelandaan dan Bahasa Melayu Malaya dipengaruhi oleh Inggeris. Apa yang nyata di sini, masyarakat Wilayah Nusantara masih bertutur dalam Bahasa Melayu dan mengamalkan satu corak hidup dan sosio budaya yang sama terutama penduduk-penduduk di Malaysia, Indonesia, Brunei dan Singapura (Datuk Haji Hassan Bin Ahmad, 1981). Justeru, apabila membincangkan tentang muzik Melayu Nusantara, tidak dapat tidak kita perlu mengaitkan adunan semua muzik gugusan kepulauan Melayu.

Lagu Melayu Nusantara menggunakan Bahasa Melayu yang dipertuturkan dan difahami oleh masyarakat sekitar Malaysia (Bahasa Malaysia), Indonesia (Bahasa Indonesia), Singapura (Bahasa Melayu Singapura) dan Brunei (Bahasa Melayu Brunei). Ini kerana kata ‘Nusantara’ lebih memberikan pengaruh psikologis positif yang lebih besar dibandingkan dengan kata ‘Melayu’ (Farid M. Onn, 1981). Lagu Melayu Nusantara lebih menyatupadukan seluruh item muzik seluruh rakyat serumpun di keempat negara sebagai satu keluarga yang besar.

Jika diteliti ciri-ciri muzik lagu-lagu Melayu Nusantara, akan terdapat kelainan daripada muzik tradisional mahupun muzik moden. Ini kerana muzik tradisional merupakan muzik yang telah wujud selama beberapa keturunan dengan mengutamakan alat-alat muzik yang berasal daripada

kawasan Asia Tenggara (antaranya serunai, kertuk kelapa, rebana ubi, satong dan tong, sompoton, gong, gendang, rebab tiga tali, angklung, sitar, gibus ,kompang dan alat liut) (Mohd Taib Osman, 1984) dan muzik moden adalah muzik yang diasaskan kepada muzik barat dengan mengutamakan alat-alat muzik barat seperti piano, violin dan gitar; manakala muzik Nusantara pula adalah gabungan kedua-duanya beserta dengan muzik luar yang dibawa masuk bersama zaman penjajah dan pedagang asing ke gugusan Melayu (Dr. Patricia Matusky, 1981).

Muzik Nusantara adalah muzik yang begitu unik bagi rantaui Kepulauan Melayu Nusantara. Ia mencerminkan pemikiran anak Nusantara yang tentunya sezaman dan sejagat. Pada pertengahan tahun 1980an, terdapat konsep irama Nusantara yang cuba diketengahkan oleh pencipta lagu terkenal pada masa itu iaitu Manan Ngah pemuda kelahiran Terengganu melalui lagu “Cinta Nusantara” yang dinyanyikan oleh Sheqal (Hanizah Haji Musib, 1999). Namun begitu, konsep itu agak suram buat seketika kerana masyarakat lazimnya tidak mudah menerima sesuatu yang baru dalam masa terdekat.

Justeru, muncul pencipta, pengubah malah sekaligus penyanyi lagu yang penuh dengan idea dan karya kreatif dan punya nilai-nilai estetika yang tinggi iaitu M. Nasir yang juga cenderung kepada konsep Nusantara. Anak muda kelahiran negara Singapura yang mendapat didikan lanjutan di *Nanyang Academy of Fine Arts* dan menjurus kepada pengajian Seni Halus ini sebenarnya tidak punya pendidikan dan latihan formal dalam bidang muzik (Saniboei Mohd Ismail, 1999). Namun apa yang nyata hari ini konsep Nusantara yang dipopularkan olehnya mula mendapat tempat dan diperkatakan oleh masyarakat banyak. Bukan sahaja Singapura dan Malaysia, malah seantero Nusantara turut meminati unsur-unsur yang diterapkan ke dalam setiap lagu gubahannya yang menggunakan alat-alat muzik tradisional seperti gong, angklung, kompong, gibus dan sitar.

Kelainan hasil ciptaan seniman yang innovatif ini dapat dilihat melalui karya-karyanya sekitar 1980an seperti lagu "Express Rakyat" yang menggabungkan rentak inang dan 'country dan western', lagu "Keroncong Untuk Ana" yang memodenkan rentak kerongcong (rentak kerongcong amat terkenal di Indonesia) dan lagu "Mustika" yang menyelitkan muzik gamelan dan angklung yang lebih bercirikan muzik Jawa. Keinginan dan wawasan amat jelas iaitu memperjuangkan konsep Melayu Nusantara. Justeru, pada tahun 1989, keputusan untuk merakamkan album secara solo dilaksanakan dengan terbitnya album "S.O.L.O" diikuti "Saudagar Mimpi" (1992), Canggung Mendonan (1995), M. Nasir-Terbaik (1998) dan "Sri Kandi Cintaku" (1999) (Saniboey Mohd Ismail, 1999).

Apa yang jelas, M. Nasir membawa sesuatu yang boleh memperkayakan lagi khazanah seni muzik Melayu masa kini. Rasanya konsep lagu Melayu Nusantara yang dibawanya ini memberi satu pilihan tepat kepada masyarakat kini di kala budaya barat yang kian banyak menular baik muzik 'rock', 'country', 'jazz', 'blues', 'world', 'rap', 'reggae', 'vocal', 'gospel', 'easy' mahupun 'newage' (<http://allmusic.comm>).

Melalui kajian yang dibuat oleh Saniboey Mohd Ismail (1999) seorang wartawan yang mengenali dan mengikuti perkembangan M.Nasir sejak awal pembabitannya dalam dunia seni, didapati setiap karyanya menekankan persoalan maruah kemanusiaan dalam dimensi yang lebih luas; satu aspek yang jarang sekali dilihat dalam karya pihak lain yang lebih kepada jalan komersil. Apa yang mengagumkan, lirik dalam lagu-lagu ciptaannya mengajak manusia berfikir mengenai manusia, perperangan, alam semesta, tanah air, bangsa dan yang paling penting mengingatkan manusia tentang wujudnya Pencipta kepada segala kejadian.

2.2. Ulasan Kajian-Kajian Lalu

Kajian tingkah laku pengguna terhadap produk muzik belum pernah dijalankan setakat hari ini baik di luar maupun di dalam negeri. Jadi oleh kerana kajian ini merupakan kajian perintis, pengkaji sebolehnya akan cuba mengulas mana-mana kajian lalu yang dianggap mempunyai persamaan baik dalam bentuk objektif maupun dapatan daripada kajian. Kebanyakan kajian lalu yang dibuat di negara-negara Barat mengenai muzik sama ada lagu ataupun lirik lagu banyak berkisar kepada pengkajian budaya dan kesan lagu dalam satu-satu komuniti.

Donald Wayne Turner (1982) dalam kajian tesisnya yang bertajuk , "I Ain't Marching Anymore: The Vietnam Conflict For The New Left," memperoleh dapatan berkenaan kesan muzik dan makna lirik kepada masyarakat tempatan terhadap situasi peperangan ketika itu. Donald memetik pendapat Sidney Finklestein (1970) yang mengatakan muzik itu sebenarnya menggambarkan sistem ekonomi, kekeluargaan dan struktur politik sesebuah masyarakat atau kelas-kelas tertentu di dalamnya.

G. P Mohmen dan F. Eugene Scott (1985) pula mengkaji tajuk lagu untuk mendapatkan bukti dan kebenaran mengenai nilai budaya dan sikap masyarakat terhadap peperangan. Manakala Bowra (1963) pula mengkaji lagu dari aspek sejarah yakni sejarah lagu di kalangan primitif di dalam 'primitif songs'.

Menurut Scott Burnham (1995), adalah menjadi amalan biasa bagi para penganalisis muzik untuk mengabaikan pelbagai fakta berkenaan asal usul dan sejarah kemunculan sesuatu muzik, sebaliknya perlu memberi tumpuan lebih kepada muzik itu sendiri. Satu kajian oleh John D. Cox (1993) berkenaan 'Music Education; The Brain Building Subject,' menunjukkan bahawa apabila pelajar-pelajar mendengar "Mozart's Sonata

For Two Pianos in D Major beforehand", mereka mendapat skor di antara lapan hingga sembilan mata lebih tinggi di dalam ujian IQ berbanding apabila mereka mendengar "relaxion tape" atau duduk dengan senyap ketika ujian berlangsung. Menyokong dapatan Cox ini ialah seorang lagi pengkaji iaitu Frances H. Rauscher (1993) yang membuat kajian di Irvine's Center yang berkaitan dengan "*Neurobiology of Learning and Memory*" mengulas;

"there are certain neuronal firing patterns that different parts of the brain use when they communicate with each other, and that music, being very complex and very structured, both spatially and temporally, exercises those brain patterns, those neuronal firing patterns."

Kenyataan mereka berdua disokong pula oleh Marjorie R. Lehr (1998) yang menjelaskan bahawa pembelajaran muzik menjadi penjana kepada minat dan konsentrasi pelajar-pelajar terhadap mata pelajaran lain malah mendorong pembangunan diri individu pelajar dengan caranya yang tersendiri. Tambahan pula muzik dikatakan sebagai "*rewires the brain*" untuk bekerja atau berfungsi lebih efisen dalam apa jua "*areas of thinking*".

Susan McClary's (1990) mengkaji bagaimana sikap kaum wanita di dalam mengkritik bidang muzik. Dapatannya menunjukkan bagaimana kaum wanita lebih cenderung untuk melihat keseluruhan aspek muzik baik asal usul muzik tersebut, bagaimana gabungan atau pengaruh asing meresap masuk dan apa pula penerimaan masyarakat setempat terhadap genre baru yang dihasilkan. Ternyata kritikan kaum wanita lebih rapi dan menjurus ke akar umbi muzik itu sendiri dan pastinya ia memberi laluan kepada masyarakat untuk menilai sesuatu muzik yang ditonjolkan secara lebih objektif dan munasabah kerana ia melibatkan bukan sahaja "*medium*" dalam membentuk nilai sosial masyarakat malah juga kepercayaan yang mereka anuti. Namun begitu Susan McClary tidak dapat lari daripada kritikan kerana hasil kajiannya seolah dipengaruhi oleh faktor '*gender*'

kerana beliau sendiri seorang wanita yang mempunyai pandangan dan wawasan yang tersendiri tentangnya.

Nyata di sini kajian yang dibuat di negara luar berkenaan muzik hanyalah tertumpu kepada pengaruh muzik kepada diri manusia selaku individu, kesannya kepada masyarakat sekeliling dan bagaimana ada ketikanya turut memberi kesan positif kepada keseluruhan kehidupan manusia sejagat. Yang pasti, muzik itu ibarat lubuk kedamaian dan ketenangan buat semua orang tidak kira apa juga corak hidup dan mazhab yang mereka anuti.

Bagi pengkaji tempatan pula, kebanyakkan kajian berkenaan muzik dan persoalan kewujudannya serta pengaruh muzik ke atas alam kehidupan manusia banyak dibuat oleh pelajar-pelajar institusi pengajian tinggi khususnya pelajar jurusan Seni Muzik ataupun Jabatan Pengajian Melayu.

Samirah Hambali (1994), dalam latihan ilmiahnya membincarkan tentang nilai-nilai estetika di dalam lagu-lagu ciptaan M. Nasir. Walaupun ada lagu-lagu ciptaan M. Nasir liriknya ditulis oleh orang lain (Loloq misalnya), namun keindahan dan puitis bahasa yang digunakan tetap terserlah; seindah melodi lagunya.

Skop kajian mendapati wujud kelainan dalam karya-karya M. Nasir baik lagu tersebut dinyanyikannya sendiri mahupun dibawakan oleh penyanyi lain. Nyata sekali lagu-lagunya mempunyai mesej tersendiri dan lebih berkoncepkan Melayu Nusantara terutama lagu-lagu yang dimuatkan dalam album solonya. Apa yang jelas, setiap lagu mempunyai cerita dan persembahan yang berbeza. Setiap kali berkarya, tentunya pembaharuan dibuat dan merujuk kepada motif alam sekitar, sejarah mahupun asal usul manusia dan hubungannya dengan Pencipta Yang Maha Berkuasa. Penulis nampak begitu memuji setiap karya yang dihasilkan oleh M. Nasir kerana kebetulan M. Nasir adalah seniman yang dikaguminya sejak di

bangku sekolah lagi; dan tuah memihak kepadanya kerana setelah tamat pengajian penulis diterima bertugas sebagai Pegawai Perhubungan Awam di BMG Music dan sekaligus menguruskan M. Nasir yang bernaung di bawah label BMG ketika itu.

Hasil kajian Asnida Bt Gani (1997) dalam tesisnya berkenaan laras bahasa lirik lagu Melayu pula memberi penelitian terhadap lirik lagu-lagu Melayu dari perspektif linguistik. Hasilnya didapati susunan kata dalam lagu Melayu merupakan cetusan emosi penulis lirik yang berkait rapat dengan hidupnya dan masyarakat sekeliling. Kebanyakan lirik adalah ringkas, tepat dan padat serta dapat memberi gambaran maksud yang mendalam dan jelas dalam menyampaikan mesej. Lazimnya lirik lagu diklasifikasikan mengikut fungsi, mesej dan sasaran audien seperti lagu kanak-kanak menyelitkan kata-kata yang berunsur nasihat, lagu-lagu patriotik membariskan lirik yang membakar semangat dan lagu-lagu cinta penuh dengan susunan kata yang puitis dan perlambangan yang indah.

Satu lagi kajian tempatan yang hampir sama dengan kajian Asnida ialah kajian tentang penyelewengan akidah di dalam senikata lagu-lagu Melayu yang dibuat oleh saudara Abkari Haji Abdullah (1996) di kalangan pendengar / peminat lagu Melayu.

Hasil kajian mendapati ada di antara lirik lagu-lagu Melayu boleh menyumbang kepada rosaknya iman dan akidah pendengarnya secara tidak disedari kerana terlalu memuja sesuatu objek secara berlebihan dan taksub. Ini berlaku kerana ketika seseorang itu terlalu menghayati sesebuah lagu yang berbentuk pemujaan; contohnya memuja individu legenda seperti Bob Marley (pelopor muzik Reggae / Caribbean yang mempunyai pengikut tersendiri suatu masa dahulu) sehingga ikut melakukan apa yang dilakukan semasa hidupnya dan melupakan tanggungjawabnya kepada Yang Maha Esa . Perkara ini dilihat sebagai

suatu yang serius dan memberi kesan yang negatif kepada masyarakat umumnya. Lagi sekali kajian tertumpu kepada pengaruh lagu secara khusus terhadap individu dan masyarakat sekitar juga nilai-nilai budaya masyarakat tersebut.

Meninjau pula kepada kajian tingkah laku atau gelagat pengguna terhadap sesuatu produk yang ada di pasaran. Didapati kebanyakan pengkaji hanya menumpukan kepada kajian tingkah laku terhadap produk-produk ekonomi, servis, aktiviti masa lapang mahupun gaya hidup dan tindakbalas pengguna terhadap iklan dan promosi yang menyumbang sebagai maklumat berharga kepada para peniaga semasa.

John J. Burnett dan Alan J. Bush (1986) telah membuat kajian berkenaan dengan *"Profiling The Yuppies"* iaitu mengkaji gaya hidup para profesional muda yang memperoleh kejayaan dalam karier ketika usia belia yakni sebaik menamatkan pengajian dari mana-mana institusi / kolej. Kajian ini menekankan gaya hidup profesional muda pada peringkat umur lewat 20an hingga 40 tahun. Kajian ini nampaknya selari dengan istilah belia di kalangan pemimpin Pemuda UMNO iaitu akhir remaja (25 tahun) hingga 40 tahun. Lazimnya kumpulan profesional muda ini mempunyai corak hidup yang tersendiri khususnya aktiviti masa lapang dan cara mereka berbelanja yang tentunya mengutamakan barang-barang yang menunjukkan status seperti kereta 'sport' BMW.

Worthy (1990) pula menjelaskan dalam kajiannya bahawa tingkah laku atau gaya hidup profesional muda Asia nampaknya berbeza berbanding di Barat. Ini kerana mereka mempunyai lebih kuasa untuk berbelanja memandangkan kadar cukai yang rendah secara relatif, kos hidup yang rendah kerana tinggal bersama keluarga sehingga mereka mempunyai keluarga sendiri. Walau apa pun, perbezaan yang wujud di antara profesional muda Asia mahupun Barat, yang nyata mereka menjadi

kumpulan sasaran yang paling bernilai di kalangan peniaga; oleh kerana kuasa berbelanja yang berkesan dan selera muda yang tinggi.

Kajian tempatan yang dilakukan oleh Tony Quah Seng Hai (1997) dalam kertas projek Sarjananya berkenaan tingkah laku para profesional muda kawasan bandar di Lembah Kelang telah menunjukkan hasil yang hampir sama dengan kajian di Barat. Kajian ini dibuat untuk melihat perbezaan gaya hidup di antara etnik Melayu dan Cina. Di dapati dua kumpulan profesional muda ini berkongsi gaya hidup sehari-hari terutama dalam aktiviti masa lapang dan corak berbelanja; cuma wujud beberapa perbezaan dalam aktiviti-aktiviti tertentu seperti hal-hal keagamaan dan kesihatan serta pendapat berkenaan pengiklanan pengguna alkohol secara terbuka.

Kajian Seow Kak Mine (1997) pula berkenaan "*Malaysian Lifestyle: Its Relationship with some selected aspects of Consumer Behavior*" menonjolkan bagaimana karektor tujuh '*psychographic segments*' yang dikenalpasti melalui '*1993 Malaysian Lifestyle Study*' yang dikendalikan oleh satu syarikat penyelidikan di Malaysia iaitu '*Survey Research Malaysia*'. Keputusan kajian menunjukkan pembolehubah demografi seperti bangsa, jantina, umur, pendapatan individu, pendapatan rumah tangga, lokasi, pekerjaan, status perkahwinan dan taraf pendidikan mempunyai perhubungan dengan segmen '*psychographic*'.

Kajian juga mendapati ada beberapa aspek tingkah laku seperti tabiat membeli-belah, tabiat terhadap media, kategori penggunaan produk dan melancong dengan kapalterbang mempunyai perhubungan dengan segmen '*psychographic*' pada peringkat signifikan 0.05. Hal ini mendorong para peniaga untuk mereka-bentuk kaedah promosi yang bersesuaian bagi mempengaruhi pengguna dan bakal pembeli.

Engel (1990) telah memberi tumpuan terhadap penyelidikan gaya hidup dengan mengambilkira aktiviti-aktiviti pengguna, minat dan pendapat atau lebih dikenali sebagai A/O (*Attitude/Activiti, Interest, Opinion*) dan karektor-karektor demografi sebagai penentu-penentunya.

Menurut Engel, '*Activiti / attitude*' - aktiviti merupakan satu tindakan seperti membeli-belah di kedai ataupun bercerita kepada rakan atau jiran mengenai perkhidmatan baru, '*Interest*' – minat kepada sesuatu objek, acara atau topik menyumbangkan kegembiraan atau perhatian dan '*Opinion*' – pendapat sama ada secara lisan atau bertulis adalah merujuk kepada interpretasi, penilaian dan harapan yang bersandarkan kepercayaan mahupun penghargaan terhadap sesuatu perkara.

Jadi, sebaik sahaja kita membincangkan tentang penyelidikan tentang gaya hidup, maka tiga aspek ini perlu diberi penekanan kerana ia menggabungkan keseluruhan item yang boleh memberi dapatan kajian yang terperinci.

Kajian berkenaan AIO ini juga telah dibuat oleh Joseph T. Plummer (1966) berkenaan "*Life Style and Advertising: Case Studies*". Keadah AIO digunakannya terhadap '*beer drinkers*' dan mendapati pengguna yang banyak minum arak ialah pengguna-pengguna dari golongan kelas pertengahan dan pekerja kolar biru. Hasil kajian juga menunjukkan;

"the major life-style patterns revealed the serious beer drinker as more pleasure-seeking and hedonistic in his approach to life than the non-beer drinker. He seemed less concerned about responsibilities such as family and job, and preferred physical, male-oriented activities. He also exhibited a more pronounced tendency to fantasize. Not surprisingly, he enjoyed drinking and regarded beer as a real man's drink."

Kajian-kajian lain yang berkaitan banyak dilakukan di Barat yang dikemukakan oleh King dan Tigert , William Wells dan 'The AMA Attitude Research Proceedings' dalam artikel masing-masing namun tiada satupun yang menjurus langsung kepada produk muzik.

Diharapkan kajian saya ini bukan sahaja membuka jalan kepada pihak yang terlibat dalam industri muzik malahan mereka yang ingin menjadikan bidang muzik sebagai satu industri yang setanding dengan produk-produk ekonomi lain yang menguntungkan .